

"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) nikmat yang banyak (antaranya sungai al-Kautsar di syurga). Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan sembelihlah binatang korban (kerana mensyukuri nikmat-nikmatNya). Sesungguhnya orang yang membenci engkau, dialah yang terputus (daripada mendapat kebaikan dunia dan akhirat)".
 - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Kautsar ayat 1-3.

126 terima daging korban Kementerian Pembangunan



BERAKAS, Jumaat, 30 Jun. - Sebanyak lima ekor kerbau dikorbankan dan seterusnya

diagihkan kepada seramai 126 penerima yang terdiri daripada kalangan warga Kementerian Pembangunan pada Majlis Ibadah Korban yang diadakan oleh Kementerian Pembangunan kelolaan Jabatan Kerja Raya yang berlangsung petang tadi di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging korban ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pemangku Jurutera, Jabatan Saliran dan Pembetulan, Awang Abdul Muiz bin Junaidi, diikuti dengan ceramah khas sempena Ibadah Korban dan Hari Raya Aidiladha bertajuk 'Berkorban Apa

Saja' yang disampaikan oleh penceramah undangan, iaitu Kaunselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan pengagihan daging korban.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Zakaria; Pemangku Setiausaha Tetap (Perancangan Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohammad Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd Yaakub; serta ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai serta kakitangan di Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan menyampaikan agihan daging korban kepada salah seorang penerima.

Majlis keagamaan berkenaan antara lain merupakan salah satu aktiviti Kementerian Pembangunan yang diadakan pada setiap tahun sebagai tanda bersyukur atas segala nikmat kurnia Allah Subhanahu Wata'ala, di samping bertujuan untuk memupuk nilai persaudaraan dan mengeratkan silaturahim di antara pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.